

KENAIKAN TUHAN (C)

Kisah 1:1-11; Mazmur 46 (47): 2-3. 6-7. 8-9. R/ v. 6; Ibrani 9:24-28. 10:19-23
Lukas 24:46-53

Tema: **KENAIKAN TUHAN KE SYURGA BUKAN UNTUK MENINGGALKAN KITA, TETAPI UNTUK MENGUTUS ROH KUDUS UNTUK BERSAMA KITA SAMPAI AKHIR ZAMAN**

1. Hari ini kita merayakan Kenaikan Tuhan ke syurga! Tahun Liturgi C. Kenaikan Tuhan ke syurga bukanlah untuk meninggalkan kita tetapi untuk mengutus Roh Kudus untuk bersama kita sehingga akhir zaman! (Pengantar Injil; Mat 28:19-20)

Injil hari ini memberitahu kita mengenai Kenaikan Tuhan, tetapi yang lebih penting, Injil memberitahu kita bahawa Dia akan mengutus kepada kita Roh Kudus supaya kita akan menjadi saksi untukewartakan pertobatan bagi pengampunan dosa! Kepada seluruh bangsa, bermula dari Yerusalem! Gereja adalah Yerusalem Baru!

2. Bacaan pertama adalah sambungan kepada Injil. Bacaan pertama bermula dimana Injil berakhir. Bacaan pertama adalah juga ditulis oleh Santo Lukas. Bacaan pertama juga memberitahu kepada kita mengenai kenaikan Tuhan, dan yang lebih penting, bacaan pertama juga memberitahu kita mengenai pemberian Roh Kudus kepada para rasul, supaya mereka akan menjadi saksi-saksi Yesus bukan sahaja di Yerusalem, tetapi juga di Yudea (Yahudi), dan Samaria (Samaritan/Separuh Yahudi) dan seterusnya ke hujung dunia (orang asing)!

Perbezaan antara bacaan pertama dan Injil adalah bahawa dalam Injil kenaikan berlaku pada hari kebangkitan, tetapi dalam bacaan pertama ia berlaku empat puluh hari selepas kebangkitan! Empat puluh hari adalah lambang masa yang diambil oleh Tuhan yang bangkit untuk mengajar dan memberi arahan kepada para murid-Nya mengenai kerajaan Allah dan mempersiapkan mereka untuk menerima Roh Kudus untuk menjadi saksi-saksi-Nya!

Umat Israel menghabiskan empat puluh hari di padang gurun sebelum masuk ke Tanah Perjanjian! Musa mengambil masa empat puluh hari di atas gunung sebelum menerima Sepuluh Hukum! Yesus mengambil masa empat puluh hari di padang gurun sebelum pelayanan-Nya! Katekumen kita mengambil masa empat puluh hari masa Prapaska dalam persiapan intensif mereka sebelum pembaptisan! Empat puluh tahun adalah juga jangka masa untuk satu generasi!

Bacaan pertama juga memberitahu kita bahawa Yesus akan kembali pada parousia (Kedatangan Kedua Kali Yesus) sama seperti Dia pergi pada masa kenaikan, iaitu, Yesus naik ke syurga untuk memberi kita Roh Kudus untuk meneruskan karya penyelamatan-Nya dan apabila kita sudah selesaikan karya penyelamatan-Nya, Dia akan kembali pada akhir zaman (parousia) untuk mengambil kita semua ke syurga!

3. Mazmur antarbacaan juga memberitahu kita mengenai kenaikan Tuhan. Dengan itu kita menyahut tiga kali:

“Allah Tuhan kita telah naik, diiringi sorak-sorai, diiringi bunyi sangkakala.” (Mzm 46 (47): 6; Sunday Missal (SM))

Mazmur antarbacaan pada asalnya adalah pentakhtaan mazmur. Mazmur antarbacaan mempunyai tiga rangkap. Rangkap pertama memberi pujian kepada Allah. Rangkap kedua dan ketiga memberitahu kita mengenai pentakhtaan Allah sebagai Raja kepada seluruh bangsa!

Gereja telah mengguna mazmur ini untuk kenaikan Tuhan. Justru itu ayat 6 di mana sahutan diambil, adalah diambil untuk maksud kenaikan Tuhan ke syurga:

“Allah Tuhan kita telah naik, diiringi sorak-sorai, diiringi bunyi sangkakala.” (Mzm 46 (47): 6; SM)

4. Bacaan kedua juga memberitahu kita tentang kenaikan Tuhan. Bacaan kedua memberitahu kita bahawa Tuhan telah naik ke syurga dan Dia sedang menjadi perantaraan untuk kita. Lebih penting, bacaan kedua memberitahu kita bahawa dia akan kembali masa Parousia untuk penyelamatan kita yang sepenuhnya dan terakhir, iaitu, membawa kita ke syurga! Oleh itu kita baca:

“Sesudah itu Ia akan menyatakan diri-Nya sekali lagi tanpa menanggung dosa untuk menganugerahkan keselamatan kepada mereka yang menantikan Dia.” (Ibr 9:28; SM)

Bahkan, itulah doa kita dalam Misa Kudus hari ini! Doa pembukaan, Doa atas Persembahan, Prefasi, Doa selepas Komuni, dan Berkat Meriah; semua berdoa bahawa satu hari nanti kita akan naik ke syurga bersama Tuhan!

5. Hari ini kita juga bersyukur kepada Allah atas kematian dan kebangkitan Yesus Kristus dan kenaikannya ke syurga dan kita mohon kepada Allah untuk mengutus Roh Kudus kepada kita supaya kita akan menjadi saksi-saksi-Nya sampai ke hujung dunia!

Sri Paus Emeritus Benediktus XVI ada pesanan untuk kita semua! Temanya adalah "**Rangkaian Sosial: Portal Kebenaran dan Iman; Ruang Penginjilan Baru**". (Social Networks: Portals of Truth and Faith; New Spaces for Evangelization") Pesanan itu (versi yang diedit) berakhir dengan kata-kata ini:

"Disamping menyediakan platform untuk berdoa, bermeditasi dan berkongsi khabar gembira dari Tuhan, rangkaian social turut membuka pintu lain kepada dimensi iman melalui: pertemuan secara langsung, pengalaman yang datang dari monuniti sendiri dan ziarah. Kita tidak perlu merasa berkekurangan di dalam kepaduan dan kesatuan semasa mengungkapkan kesaksian dan iman kita terhadap Kitab Injil samada di dunia fizikal mahupun di dunia digital. Ini kerana apabila kita hadir dalam kehidupan orang lain, kita juga sebenarnya dipanggil untuk lebih merasai kasih Tuhan."

Bahkan, "Rangkaian Sosial", internet, Facebook, dll., dapat membantu kita mewartakan kabar gembira sampai ke hujung dunia!

Hari ini, sambil kita bersyukur kepada Allah kerana kenaikan Tuhan, kita juga berdoa kepada Allah bahawa suatu hari nanti kita juga akan naik ke syurga bersama Tuhan!

Sekali lagi, sukacita Paska dan Hari Kenaikan Tuhan kepada kamu semua, dan marilah kita terus berdoa untuk kedatangan Roh Kudus pada Minggu Pentekosta, iaitu, Minggu depan! Amen!

Cadangan soalan untuk renungan perseorangan dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan kecil, dan kumpulan komuniti-komuniti yang kecil:

1. Mengapa Yesus naik ke syurga? Apakah Kenaikan itu berlaku pada hari kebangkitan atau empat puluh hari selepas kebangkitan?

2. Adakah kamu menerima Roh Kudus? Adakah kamu saksi akan kebangkitan Tuhan? Adakah kamu mewartakan kabar gembira di internet?

3. Apakah yang kita doa dalam Misa Kudus hari ini? Percayakah kamu bahawa suatu hari nanti kita juga akan naik kesyurga bersama Tuhan?

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,